

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 3/2007

PERWAKILAN KUASA KEPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN DAN PENTADBIR TANAH JAJAHAN UNTUK MEMBERIMILIK DAN MEMBENARKAN LESEN MENDUDUKI SEMENTARA TANAH-TANAH KERAJAAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam menimbang kertas Bil. 4/394/2007(134) dalam persidangannya bagi kali ke 4/2007 pada 14hb. Februari 2007 telah bersetuju meminda Warta Kerajaan Bil. Kn. Pu. 2 bertarikh 16hb. Januari 1992, berhubung dengan perwakilan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Jajahan untuk memberimilik dan membenarkan Lesen menduduki sementara tanah-tanah kerajaan sebagaimana yang telah diperjelaskan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 5/1991.

2. Pindaan tersebut perlu dibuat memandangkan hampir keseluruhan kawasan di semua jajahan di negeri Kelantan telah diwartakn sebagai Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang menyebabkan kuasa melalui Warta Kerajaan Kn. Pu. 2/92 tidak lagi dapat dilaksanakan.

3. Bagi tujuan mencapai hasrat perwakilan kuasa yng telah diberikan serta untuk membolehkan kuasa-kuasa berkenaan dilaksanakan seperti asal oleh pihak yang diberikuasa, Warta Kerajaan

Kn. Pu. 2/92 telah dipinda sebagaimana Warta Kerajaan Kn. Pu. 749 bertarikh 21hb. Jun 2007 di **Lampiran 1**.

Sehubungan dengan itu, para 3(b)(i)(d) dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 5/1991 hendaklah digantikan dengan perkataan berikut :

**' Tanah-tanah itu terletak di luar Kawasan Pihak Berkuasa
Tempatan yang diwartakan sebelum atau pada 16hb.
Januari 1992 '**

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 5/1991..

t.t

(DATO' HJ MOHD JAMIL BIN MOHAMED)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

1. Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar
Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar
Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan
Negeri Kelantan

5. YB. Penasit Undang-Undang
Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Fail : PTG.KN. SULIT 1375 JLD 3 (13)
Bertarikh : 22 Rejab 1428H
06 Ogos 2007

LAMPIRAN I



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60

21hb Jun 2007

No. 13

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun, 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 749

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13
DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13
(PINDAAN)
(AMENDMENT)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini meminda Warta Kerajaan Bil. KN. P.U. 2 bertarikh 16 Januari 1992 sperti berikut :

Dengan menggantikan kemasukan dalam Ruang (3)(i)(d) perihak Syarat-syarat dan Sekatan-sekatan, bagi Pegawai diperihalkan dalam Ruang (1) Pentadbir Tanah Jajahan, di bawah Peruntukan-peruntukan dinyatakan dalam Ruang (2) seksyen 42 Kanun Tanah Negara 1965 dalam Jadual, seperti berikut :

- (i)(d) tanah-tanah itu tidak terletak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan kepada
- (i)(d) tanah-tanah itu terletak di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang diwartakan sebelum atau pada 16 Januari 1992.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code 1965, the State Authority hereby amends the official Gazette No. KN. P.U. 2 dated 16 January 1992 as follows :

- (a) By substituting the entries specified in Column 3(i)(d), the Conditions and Restrictions, the Officer specified in Column (1) District Land Administrator and the Provision described in Column (2) section 42 of the National Land Code, in the Schedule as follows:
 - (i)(d) the lands are not located in Local Authority area, to
 - (i)(d) the lands are not located within the Local Authority area gazetted before or on the 16 January 1992.

Bertarikh 14 Februari 2007
Dated 14 February 2007

NIK ABDULLAH BIN NIK DAUD
Setiausaha

26 Muharam 1428H
[PTG.KN. Sulit 1375 Jld.3(10)]

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kelantan Clerk
Of State Executive Council
Kelantan*